

14 AUG 1999

Abdullah-Mahathir

DR MAHATHIR PEMIMPIN ISLAM BERFIKIRAN SEDERHANA

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan pemimpin Islam berfikir dan bersikap sederhana yang boleh diterima semua lapisan rakyat Islam dan bukan Islam, di dalam dan luar negara, kata timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kebanyakan ide dan pemikiran Perdana Menteri adalah relevan untuk diberi perhatian ketika Malaysia memasuki alaf baru, katanya.

"Dr Mahathir merupakan pemimpin yang boleh diterima semua kerana sikapnya yang tidak ekstrim. Pandangannya bukan sahaja diterima oleh masyarakat Islam dan tidak Islam, di Malaysia tetapi juga bangsa lain terutama negara Selatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan "Seminar Pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad" di sini hari ini.

Abdullah berkata Dr Mahathir semenjak menjadi pemimpin telah membawa banyak perubahan kepada negara dan merupakan pemangkin terbesar dalam proses pembangunan negara dan memajukan bangsa.

Antara kejayaan istimewa Perdana Menteri, kata Abdullah, ialah melahirkan keyakinan di kalangan rakyat Malaysia terutama bangsa Melayu yang mereka boleh mencapai kejayaan tinggi dan cemerlang sekiranya berusaha.

"Apa yang ditekankan oleh Dr Mahathir ialah memberi segala prasarana yang boleh memberi rakyat peluang untuk menguasai ilmu, kemahiran atau pelbagai bentuk profesionalisme," katanya.

Dr Mahathir, yang sangat rajin membaca, amat berpengetahuan luas terutama berkaitan pengurusan, pemikiran strategik, ekonomi serta teknologi maklumat yang dalam perancangannya boleh menjadi industri penting negara, katanya.

Abdullah berkata pandangan Perdana Menteri dalam isu globalisasi, pembangunan Selatan-Selatan serta hak asasi, sudah diterima dan disambut baik.

Sebab itu ada beberapa kerjasama peringkat antarabangsa yang berjaya dan diterima baik seperti Dialog Antarabangsa Langkawi dan Perkongsian Pintar yang sudahpun diterima negara-negara Afrika, kini mula diterima negara Asia Barat dan swasta, katanya.

"Ia bukan sahaja relevan untuk Malaysia tetapi juga relevan di peringkat antarabangsa," katanya lagi.

Abdullah juga menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya Dr Mahathir seorang diktator sedangkan Perdana Menteri merupakan seorang yang sentiasa bersedia menerima pandangan orang lain.

"Sebagai pengerusi dalam mesyuarat jemaah menteri, Dr Mahathir membenarkan perbincangan yang begitu rancak yang membolehkan semua orang memberi pandangan mereka. Malah ada kertas kerja yang dibentangkan sendiri oleh Dr Mahathir ditolak oleh kabinet," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata segala pandangan anggota kabinet didengar oleh Dr Mahathir dan beliau mengambil kira kepentingan semua pihak sebelum sesuatu pendapat itu boleh diterima.

Abdullah menjelaskan bahawa sepanjang beliau menjadi anggota kabinet, tidak pernah beliau dapati Dr Mahathir memaksa ideanya diterima jemaah menteri malah ia dibincangkan secara penuh bersemangat dan adakalanya hingga ke tahap bertengkar.

"Semua itu dengan niat untuk mendapatkan keputusan yang konsensus. Dr Mahathir sentiasa mengutamakan keputusan kabinet secara semua bersetuju bukan secara angkat tangan. Beliau akan berusaha (membuat apa-apa pindaan)

sehingga semua bersetuju dan disenangi oleh semua pihak," katanya.

Abdullah berkata kerana hasil keputusan sebulat suara jemaah menteri itulah, segala keputusan kerajaan disenangi dan diterima oleh majoriti rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

-- BERNAMA

NHD RON